

Dagangan : NON-WIRED CLEAR FLOAT GLASS Nama Perdagangan : Clear Float Glass	Kod Tarif (Perintah Duti Kastam 2012) : 7005.29.90 10 (PDK 2017) Tarikh Kelulusan : 04 Ogos 2017
---	--

Keterangan barangan :

Berdasarkan Laporan analisa pakar menyatakan :

Sampel	Berupa kepingan lutsinar berukuran 10.2 cm x 10.2 cm dengan ketebalan 0.6 cm (6 mm). Kepingan glass ini tidak berwarna.
Analisis	Setelah dianalisis didapati kepingan tersebut adalah kaca. Jenis kaca tidak dapat ditentukan.

Barangan *clear float glass* yang diimport tidak mengandungi sebarang absorbent dan reflacing layer. Berdasarkan gambar contoh barangan yang disertakan, barangan ini juga merupakan unwired float glass.

Barangan diimport "Cut to size" berbentuk segi empat tepat dengan ukuran seperti berikut:

Bil	Panjang	Lebar	Tebal
1.	2134 mm	102 mm	6 mm
2.	2134 mm	152 mm	6 mm

Berdasarkan borang permohonan Jadual A, kegunaan barangan dinyatakan sebagai glass yang akan dipasang pada frame tingkap aluminium di bahagian ground floor bangunan.

Ketetapan:

Ketua Pengarah Kastam memutuskan barangan tersebut sesuai diperjeniskan di bawah kod tarif **7005.29. 90 10** sebagai ***Other non-wired clear float glass in rectangular shape*** berdasarkan alasan-alasan berikut;

- Barangan adalah sebagaimana yang diterangkan di para 5.1 di atas iaitu kepingan clear float glass, tidak berwarna dan cut to size yang berukuran panjang 2134 mm x Lebar 152 mm dan 102 mm x tebal 6 mm *in rectangular shape*.
- Berdasarkan laporan pakar, barangan adalah kaca sahaja. Laporan tiada menyatakan penemuan sebarang absorbent, reflecting atau non-reflecting material ke atas barangan. Laporan juga tidak menyatakan barangan adakah wired glass.

- Barangan mendapat liputan keterangan Chapter Note 70 di dalam Explanatory Note 2012 di muka surat XIII-70-1 yang menerangkan bahawa :

Notes.

1.....

2. For the purpose of heading 70.03, 70.04 and 70.05 :

(a).....

(b). Cutting to shape does not affect the classification of glass in sheets.

(c). the expression "absorbent, reflecting or non-reflecting layer" means in microscopically thin coating of metal or of a chemical compound (for example, metal oxide) which absorbs, for example, infra-red light or improves the reflecting qualities of the glass while still allowing in to retain a degree of transparency or translucency; or which prevents light from being reflected on the surface of the glass.

- Barangan ini mendapat liputan di dalam EN 2012 di bawah heading 70.05 dan sub heading 7005.29 di muka surat XIII-7005-1 sebagaimana berikut :

70.05 - Float glass and surface ground or polished glass, in sheets, whether or not having an absorbent, reflecting or non-reflecting layer, but not otherwise worked.

- **Other non-wired glass :**

7005.21 - - Coloured throughout the mass (body tinted), opacified, flashed or merely surface ground

7005.29 - - Other

Keterangan di muka surat ini juga menyatakan :

This heading covers float glass in sheets. its raw materials.....

Glass of this heading is frequently used in window and doors, motor cars, ships, aircraft, etc., for the manufacture of mirrors, table and desk tops, shelves, display cases, etc., and in the manufacture of safety glass of heading 70.07.

- Barangan ini mendapat liputan di dalam *Perintah Duti Kastam 2017* di muka surat 635 sebagaimana berikut :

70.05 ***Float glass and surface ground or polished glass, in sheets, whether or not having an absorbent, reflecting or non-reflecting layer, but not otherwise worked.***

7005.10 - *Non-wired glass, having an absorbent, reflecting or non reflecting layer:*

- ***Other non-wired glass :***

7005.21 - - *Coloured throughout the mass (body tinted), opacified, flashed or merely surface ground*

7005.29 - - - ***Other***

7005.29.10 00 - - - *Optical glass, not optically worked*

7005.29.90 - - - ***Other***

7005.29.90 10 - - - - ***In square or rectangular shape including 1 or more corners cut***